

Submission date: 05/09/2018

Accepted date: 25/10/2018

**PERSEPSI PEMIMPIN AGAMA KRISTIAN TERHADAP KONSEP DAN  
AMALAN TOLERANSI BERAGAMA DI MALAYSIA***Christian Religious Leaders Perspectives on the Concept and Practices of  
Religious Tolerance in Malaysia*Roslizawati Mohd Ramly,<sup>a</sup> Mashitah Sulaiman,<sup>b</sup> Marina Munira Ab. Mutalib,<sup>a</sup>  
Khatijah Othman<sup>a</sup>Faculty of Leadership and Management, Universiti Sains Islam Malaysia<sup>b</sup>Center for Core Studies & Faculty of Leadership and Management,  
Universiti Sains Islam Malaysia.

roslizawati@usim.edu.my

**Abstrak**

Toleransi beragama merupakan satu daripada nilai-nilai murni yang perlu difahami dan dipraktikkan bagi menjamin keharmonian hubungan masyarakat berbilang agama seperti dalam konteks negara Malaysia. Namun begitu, sejak akhir-akhir ini banyak isu yang menyentuh sensitiviti orang Islam seperti isu penggunaan kalimah Allah oleh golongan bukan Islam dan isu hak orang Islam untuk murtad dipertikaikan dengan alasan hak kebebasan beragama. Ini menunjukkan bahawa pengertian tentang maksud toleransi beragama dalam konteks Malaysia masih kabur. Justeru, kajian ini cuba menghuraikan persepsi pemimpin agama Kristian berhubung konsep toleransi dan pengamalannya dalam konteks Malaysia. Bagi tujuan tersebut beberapa orang pemimpin gereja telah ditemubual. Data temubual dianalisis dengan menggunakan kaedah analisa kandungan iaitu dengan mengenal pasti idea utama. Kajian mendapati bahawa para pemimpin Kristian melihat istilah toleransi beragama sebagai negatif. Kajian juga mendapati para informan juga berpandangan bahawa amalan toleransi beragama di Malaysia telah mendiskriminasi golongan bukan Islam.

Kata kunci: perspektif, pemimpin agama Kristian, toleransi beragama, Malaysia.

### Abstract

Religious tolerance is one of the important values that needs to be understood and practiced to safeguard harmonious relations among the multireligious community in Malaysia. However, in the recent years there have been a lot of issues disputed on the grounds of religious freedom which affecting the sensitivities of the Muslims such as the issue of the *kalimah* Allah and the rights of Muslims for apostasy. This situation suggests that the notion of religious tolerance is still blurry and vague among the non-Muslims. Hence, this study attempts to identify the perceptions of Christian leaders on the concept of tolerance and its practice in the context of Malaysia. For that purpose several church leaders have been interviewed. The data were analysed based on content analysis to identify the main ideas or themes. The study found that Christian leaders viewed the term religious tolerant as negative. The study also found that informants regarded the practices of religious tolerance in Malaysia have discriminated the non-Muslims.

Keywords:perspective, Christian religious leaders, religious tolerance, Malaysia.

### PENDAHULUAN

Toleransi beragama merupakan satu nilai murni yang penting untuk menjaga keharmonian beragama dalam konteks masyarakat berbilang bangsa dan agama. Namun begitu, di Malaysia sejak akhir ini banyak isu-isu yang menyentuh sensitiviti agama ditimbulkan terutamanya oleh masyarakat bukan Islam. Hal ini menunjukkan bahawa pengertian tentang maksud toleransi beragama masih kabur dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Justeru, kajian ini cuba untuk mengenal pasti persepsi pemimpin agama Kristian berhubung konsep toleransi dan pengamalannya dalam konteks Malaysia.

### KAJIAN LALU MENGENAI TOLERANSI BERAGAMA DI MALAYSIA

Terdapat beberapa kajian lalu yang membincangkan mengenai isu toleransi beragama dalam konteks Malaysia. Menurut (Khadijah Mohd Khambali@Hambali & Mohd Herzali, 2008) amalan toleransi beragama di Malaysia masih bersifat kosmetik dan saduran sahaja. Hal ini kerana, kebanyakan rakyat Malaysia tidak benar-benar memahami maksud toleransi beragama. Sebagai buktinya terdapat segolongan masyarakat yang berani mempertikaikan kontrak sosial, mencabar kedudukan Islam sebagai agama Negara dan mempersoalkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan khususnya membabitkan isu hak asasi dan kebebasan beragama.

Faktor-faktor penyebab kepada kurangnya toleransi beragama telah dikaji oleh Osman Bakar (2011). Beliau telah menjalankan tinjauan untuk mengenal pasti persepsi masyarakat awam terhadap konsep dan faktor penyebab kepada isu-isu toleransi beragama. Berdasarkan kepada tinjauan dan sebaran soal-selidik beliau mendapati antara faktor utama berlakunya isu-isu toleransi beragama adalah disebabkan oleh dua perkara, pertama, rendahnya tahap pemahaman mengenai agama-agama lain dan kedua, kebanyakan penganut agama tidak memahami secara jelas kebaikan konsep toleransi agama seperti yang terkandung dalam ajaran agama masing-masing.

Nur Farhana Abd Rahman & Khadijah Mohd Khambali @Hambali (2013) juga berpandangan tidak adanya kefahaman mengenai ajaran agama lain sebagai penyebab kepada kurangnya pemahaman mengenai toleransi beragama. Menurut Nur Farhana Abd Rahman & Khadijah Mohd Khambali @Hambali (2013) lagi, kesan daripada tidak memahami agama menjadi punca mengapa sesetengah masyarakat bukan Islam mempertikaikan peruntukan undang-undang mengenai hak istimewa agama Islam dan orang Islam serta peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan hak agama, hak ibadat, hak kekeluargaan dan hak sosial.

Di samping itu, keliru mengenai apakah maksud toleransi yang tepat dalam kalangan non-Muslims dan Muslims juga menyebabkan berlakunya perbalahan antara agama. Natijahnya, terdapat sesetengah masyarakat Islam yang mengkafirkan Perdana Menteri Malaysia kerana memakai kurta semasa menghadiri majlis perayaan rumah terbuka Deepavali. Dari satu sudut yang lain terdapat pula golongan masyarakat Islam yang meraikan perayaan atau pun sambutan yang jelas bercanggah dengan syariat Islam (Nur Farhana Abd Rahman & Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, 2013).

Menurut Nur Farhana dan Khadijah Mohd Khambali @ Hambali (2013) lagi, kekeliruan dan kepelbagaian kefahaman mengenai konsep toleransi beragama juga berpunca daripada kefahaman agama yang sempit. Memahami agama daripada kaca mata sendiri menyebabkan timbulnya perbezaan dalam memahami apakah perkara yang boleh dan tidak boleh ditoleransi. Hal ini jelas kerana sentiasa sahaja ada perbalahan terutamanya dalam masyarakat Islam berhubung harus atau tidak harusnya menghormati sambutan perayaan agama lain dengan memakai pakaian tradisi budaya lain atau mengucapkan selamat hari raya kepada mereka. Dari sudut yang lain, terdapat pula sebahagian umat Islam yang mempamerkan keterbukaan dan semangat toleransi beragama yang melampau sehingga melanggar syariat Islam.

Jelasnya, berdasarkan kepada kajian-kajian lalu, ketidakfahaman tentang agama lain mempengaruhi konsep dan amalan toleransi beragama di Malaysia. Maka adalah sangat penting untuk mengetahui sejauh mana tahap kefahaman toleransi beragama dalam kalangan pemimpin agama. Hal ini kerana, pemimpin agama selayaknya merupakan golongan yang seharusnya mempunyai kefahaman yang jelas mengenai ajaran agama dan justeru mempunyai kefahaman yang jelas mengenai konsep dan batasan toleransi.

## KONSEP TOLERANSI BERAGAMA

Sebelum membincangkan maksud toleransi beragama terlebih dahulu perlu difahami apa yang dimaksudkan dengan istilah toleransi. Perkataan toleransi berasal daripada Bahasa Latin “tolerare” yang bererti sabar menanggung atau sabar terhadap sesuatu.

Menurut Rainer Forst, seperti mana yang dirujuk oleh Jørgensen (2014), perkataan *tolerance* itu boleh dijelaskan dengan berdasarkan kepada tiga aspek iaitu perasaan tidak suka/tidak setuju, penerimaan dan penolakan. Justeru itu untuk sesuatu perkara samada individu, tindakan, amalan, kepercayaan agama dan ideologi boleh ditoleransi perlulah perkara itu terlebih dahulu sesuatu yang tidak disukai atau sesuatu yang tidak dipersetujui. Walau bagaimanapun, perkara itu diterima dengan sebab dan alasan tertentu. Penerimaan bagaimanapun dibatasi oleh penolakan terhadap perkara yang tidak disukai tapi boleh diterima dan tidak disukai serta tidak diterima. Atau secara lebih mudahnya, penerimaan bergantung kepada apa yang boleh diterima dan tidak boleh diterima. Namun, penentuan perkara-perkara yang boleh dan tidak boleh ditoleransi ditentukan oleh faktor luaran. Justeru, menurut Forst pengertian toleransi adalah bersifat ‘dependent.’

Manakala maksud toleransi beragama menurut Osman Bakar (2011) adalah pelbagai. Namun beliau mendakwa bahawa terdapat ciri umum yang menjadi intipati kepada definisi dan pengertian toleransi beragama. Ciri umum tersebut adalah “keupayaan seseorang individu untuk mengenal-pasti (recognize) dan menghormati kepercayaan dan amalan dalam agama lain yang bertentangan dengan kepercayaan dan amalannya.”

Menurut A.T Talib, (2012) toleransi beragama ialah sikap atau kesediaan untuk membenarkan dan menerima agama lain untuk diamalkan tanpa ada sebarang unsur prejudis, bertujuan untuk mencapai keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat. Namun begitu, toleransi agama tidak bermaksud kita melihat semua agama adalah benar tetapi bermaksud memberikan hak kepada penganut agama lain untuk mengamalkan ajaran dan kepercayaan masing-masing (Redse, 2007, A. T Talib 2012).

Justeru itu dapat disimpulkan bahawa toleransi beragama menurut pandangan cendekiawan Barat adalah berbeza dengan pandangan cendekiawan Islam. Perkataan toleransi beragama menurut cendekiawan Islam adalah mengiktiraf kewujudan kepelbagaian agama dan menghormati kepercayaan lain, menghormati hak setiap individu untuk menganut dan mengamalkan agamanya bagi tujuan mencapai keharmonian hidup dalam masyarakat berbilang bangsa dan agama. Namun bagi cendekiawan Barat, toleransi bermaksud negatif kerana sikap bertoleransi itu tidak dilakukan atas dasar hormat sebaliknya dibuat atas rasa keterpaksaan. Natijahnya, akan ada perkara yang tidak disukai dan tidak boleh diterima walaupun perkara itu merupakan ajaran asas bagi sesuatu agama yang akan ditolak dan tidak akan ditoleransi. Apa yang pasti, definisi ini juga menjelaskan adanya hubungan kekuasaan dengan upaya untuk mempraktikkan toleransi. Dapat juga disimpulkan di sini bahawa, menerima agama lain sebagai benar bukanlah merupakan sebahagian daripada pengertian konsep toleransi beragama.

### **AMALAN TOLERANSI BERAGAMA DI MALAYSIA**

Sementara itu dalam konteks Malaysia, konsep dan batasan toleransi beragama hendaklah difahami dengan bersandarkan kepada beberapa peruntukan yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan (Khadijah Mohd Khambali @ Hambali dan Mohd Herzali, 2008). Terdapat beberapa peruntukan yang menjamin dan membataskan amalan toleransi beragama dalam konteks Malaysia.

Peruntukan yang menjamin amalan toleransi beragama di Malaysia adalah seperti yang dinyatakan dalam Artikel 3 (1) yang secara jelas memberikan jaminan dan hak kepada non-Muslims untuk mengamalkan agama masing-masing secara aman dan harmoni walaupun Islam dijadikan sebagai satu-satunya agama negara (Khadijah Mohd Khambali @ Hambali dan Mohd Herzali, 2008). Jaminan untuk mengamalkan agama masing-masing ditegaskan lagi melalui peruntukan Artikel 11 yang menyatakan:

- (1) Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya.
- (2) Tiada seorang pun boleh dipaksa membayar apa-apa cukai yang hasilnya diuntukkan khas kesemuanya atau sebahagiannya bagi maksud sesuatu agama selain agamanya sendiri.
- (3) Tiap-tiap kumpulan agama berhak—(a) menguruskan hal ehwal agamanya sendiri; (b) menubuhkan dan menyenggarakan institusi-institusi bagi maksud agama

atau khairat; dan (c) memperoleh dan mempunyai harta dan memegang dan mentadbirkannya mengikut undang-undang.

Namun begitu, batasan kepada toleransi beragama juga diperuntukkan secara jelas dalam perlembagaan. Artikel 11 (4) memberi kuasa kepada kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk menggunakan undang-undang bagi melarang bukan Islam menyebarkan ajaran ataupun doktrin agama mereka kepada orang Islam seperti yang dinyatakan berikut:

(4) Undang-undang Negeri dan berkenaan dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam.

Selain daripada itu batasan kepada toleransi beragama juga diperuntukkan oleh Artikel 11 (5) yang menyatakan bahawa “apa-apa perbuatan yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang am yang berhubungan dengan ketenteraman awam, kesihatan awam atau prinsip moral” adalah dilarang dan tidak dibenarkan.

Dalam sektor pendidikan Artikel 12 juga memberi jaminan kepada setiap agama untuk menubuhkan serta menyenggara institusi-institusi untuk pelajaran kanak-kanak dalam agama kumpulan itu sendiri; tetapi adalah sah bagi Persekutuan atau sesuatu Negeri menubuhkan atau menyenggara institusi-institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang diperlukan bagi maksud tersebut. Namun ianya diberi penegasan sebagaimana yang terkandung di dalam artikel 12(3) yang menyatakan bahawa sesiapa sahaja tidak dibenarkan sama sekali untuk menuntut atau memaksa mana-mana individu mengikuti ajaran agama tertentu atau mengikuti mana-mana perayaan atau aktiviti yang dianjurkan oleh agama tertentu selain daripada agama anutannya.

Jelasnya, peruntukan yang digariskan dalam Perlembagaan adalah menepati kefahaman mengenai konsep toleransi beragama. Kewujudan pelbagai agama selain daripada Islam- walaupun tidak diangkat menjadi agama negara- namun kewujudannya diiktiraf. Buktinya perlembagaan menjamik hak para penganut bukan Islam untuk terus menganut dan mengamalkan agama masing-masing serta menguruskan institusi agama mereka secara aman dan harmoni. Penganut bukan Islam juga tidak boleh dipaksa untuk memeluk Islam mahupun dipaksa meraikan perayaan agama lain.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Penyelidik menggunakan kajian berbentuk kualitatif untuk memahami satu situasi itu dalam keadaannya yang tersendiri secara mendalam. Metode kualitatif boleh digunakan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang sesuatu fenomena yang belum lagi diketahui (Strauss dan Corbin, 1990 dalam Othman Lebar, 2007) ). Ini bermaksud, melalui kajian kualitatif, penyelidik boleh mengenalpasti secara mendalam bagaimana para pemimpin Kristian memahami konsep toleransi beragama serta amalannya di Malaysia.

Bagi tujuan pengumpulan data, penyelidik telah melakukan proses temubual secara bersemuka. Kaedah temubual ini melibatkan perbualan antara penyelidik dengan responden bagi tujuan mendapatkan maklumat yang relevan dengan kajian. Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan kaedah temubual separa berstruktur kerana penyelidik hanya menyediakan soalan dan segala jawapan akan dirakam melalui perakam suara.

Di samping kaedah temubual, data juga telah diperolehi daripada dokumen. Pengutipan dan pengumpulan maklumat daripada dokumen membolehkan penyelidik menambah, membandingkan dan memperkukuhkan lagi data-data yang diperolehi daripada sesi temubual. Dalam kajian ini dokumen yang akan diperolehi adalah bahan rujukan sekunder seperti jurnal, artikel, dan kajian-kajian lepas.

Sebanyak 3 orang pemimpin agama Kristian yang mewakili aliran-aliran gereja utama di Lembah Kelang dan Seremban telah ditemubual. Hasil temu bual bersama responden telah ditranskripsikan dengan mendengar semula rakaman dengan teliti dan menyalinnya semula tanpa meninggalkan satu perkataan pun. Setelah itu data yang telah ditranskrip telah dianalisa dengan menggunakan kaedah analisa kandungan dimana data temubual telah dibaca berulang kali bagi mengenal pasti tema utama bagi tujuan membuat interpretasi dan kesimpulan.

## **PERSEPSI PEMIMPIN KRISTIAN TERHADAP KONSEP TOLERANSI BERAGAMA**

Bagi mengenal pasti persepsi para pemimpin agama Kristian temubual bersemuka telah dilakukan terhadap tiga orang informan dari gereja di Seremban dan juga di Petaling Jaya. Dua daripada informan iaitu informan K1 dan K2 adalah bermazhab Katolik . Manakala, seorang lagi informan iaitu informan P, bermazhab Protestant. Kesemua mereka adalah lelaki dan mempunyai latar belakang pendidikan dari peringkat Master sehingga Ph.D. dan memegang jawatan penting dalam institusi gereja mahupun organisasi agama Kristian.

## **KEFAHAMAN INFORMAN TERHADAP MAKSUD TOLERANSI BERAGAMA.**

Berdasarkan kepada kajian didapati kesemua informan memberikan reaksi yang negatif terhadap perkataan toleransi. Ini dapat dijelaskan berdasarkan kepada kenyataan para informan seperti berikut:

Informan P : Toleransi adalah istilah yang negatif. It is a bad word.

Informan K 1: Saya tidak suka perkataan tolerance.

Informan K2 : Secara peribadi saya melihat perkataan toleransi itu membawa maksud yang sangat negatif.

Para informan seterusnya menjelaskan mengapa mereka tidak menyukai istilah toleransi. Berdasarkan kepada jawapan yang diberikan didapati sebab mengapa kesemua informan tidak menyukai istilah toleransi adalah kerana mereka melihatnya sebagai suatu konsep yang bersifat menunjukkan dominasi dan *superiority* golongan yang kuat terhadap yang lemah. Ini dinyatakan secara jelas oleh Informan P dan K 2 seperti berikut:

P: Toleransi bermaksud ya saya boleh benarkan kamu untuk terus mengamalkan agama kamu tetapi saya akan mengenakan kawalan terhadap kamu.

K2: Toleransi bermaksud saya tidak suka kamu. Namun oleh kerana kamu adalah inferior maka saya bertoleransi dengan kamu.

Manakala K1 pula menyatakan bahawa beliau tidak menyukai perkataan toleransi kerana perbuatan bertoleransi itu merujuk kepada situasi di mana seseorang itu ‘bersabar dengan perkara yang dibenci atau tidak disukai’ olehnya. Tambah beliau, kesan daripada hal itu akan menyebabkan individu itu merasa marah, sakit hati dan kecewa.

## **PERSPEKTIF INFORMAN MENGENAI AMALAN TOLERANSI BERAGAMA DI MALAYSIA**

Berdasarkan kepada maklum balas yang diberikan oleh para informan, didapati bahawa mereka melihat konsep toleransi yang dilaksanakan dalam konteks Malaysia adalah bercanggah dengan perlembagaan. Hal ini kerana, toleransi yang dilaksanakan bersifat mengenakan kawalan, memberikan keutamaan kepada golongan majoriti Muslim dan menunjukkan kekuasaan serta tidak mempedulikan sensitiviti bukan Islam.



Menurut informan keadaan ini mula berlaku apabila kerajaan memperkenalkan dan mengimplementasikan dasar Islamisasi. Menurut informan P, melalui dasar Islamisasi kehidupan sosial bukan Islam turut dikawal secara tidak langsung supaya menepati ajaran Islam. Sebagai contohnya, di sektor pendidikan semasa perhimpunan atau aktiviti rasmi di sekolah pelajar bukan Islam terpaksa menyertai acara bacaan doa menurut ajaran Islam ataupun mendengar bacaan al-Quran. Mereka tidak diberi pilihan atau pun kelonggaran untuk hadir selepas bacaan doa. Tambah P lagi, mereka tidak berani untuk menyuarakan rasa tidak selesa kerana khuatir mereka akan dituduh sebagai anti kepada ajaran Islam.

Rungutan yang sama turut dinyatakan oleh informan K 1. Beliau mendakwa bahawa sebaik sahaja Islamisasi dilaksanakan bukan sahaja mereka mengalami kesukaran untuk membina tempat ibadat- yang mana menurut beliau hal seumpama itu tidak pernah berlaku sebelum ini- bahkan beliau mendapati bahawa institusi perundangan yang sepatutnya bersifat neutral telah menjadi berat sebelah. Beliau memberikan contoh tentang hak penjagaan anak di mana beliau mendakwa para Hakim yang beragama Islam telah membuat penafsiran baru terhadap undang-undang yang menyatakan “agama anak-anak ditentukan oleh ibu bapa” kepada “agama anak-anak boleh ditentukan oleh ibu atau bapa.” Beliau mendakwa bahawa perbuatan itu dilakukan untuk memberi keutamaan kepada Islam dan juga ibu atau bapa yang beragama Islam dalam hak penjagaan anak dan penentuan agama anak. Selain daripada itu beliau turut mendakwa di Pulau Pinang, fatwa dikenakan terhadap non-Muslim untuk melarang mereka daripada menggunakan kalimah Allah. Beliau melihat semua itu adalah sebagai satu tindakan yang menunjukkan Ketuanan Melayu Islam yang mengakibatkan berlakunya ketidakadilan dan diskriminasi kepada masyarakat bukan Islam.

Sikap tidak sensitif masyarakat bukan Islam juga turut disuarakan oleh informan K 2. Beliau melahirkan rasa terkilan dengan isu penyembelihan lembu di sekolah yang menurut beliau telah menyentuh sensitiviti para pelajar beragama Hindu. Sama seperti informan K 1 beliau turut melihat isu itu berlaku kerana masyarakat Islam di Malaysia merasa berhak berbuat demikian kerana mereka adalah penduduk majoriti di negara ini.

## **BAGAIMANA MEMPROMOSIKAN KEHARMONIAN BERAGAMA**

Berdasarkan data temubual didapati informan mencadangkan supaya keharmonian beragama dalam konteks Malaysia dibina bukan atas dasar toleransi sebaliknya atas dasar saling menerima, saling memahami dan saling menghormati. Menurut informan K 2 masyarakat di Malaysia perlu belajar untuk memahami kerana melalui

pemahaman seseorang itu tidak akan merasa benci terhadap perbezaan bahkan menimbulkan rasa hormat-menghormati dalam diri seseorang terhadap perkara yang berbeza. Selain daripada itu, pemahaman dan rasa hormat terhadap perbezaan juga akan melahirkan rasa peka terhadap sensitiviti agama lain.

Manakala informan P pula menyarankan supaya toleransi diganti dengan penerimaan. Beliau menegaskan penerimaan bukan bermaksud seseorang itu bersetuju atau mengakui kepercayaan orang lain namun apa yang dimaksudkan dengan penerimaan adalah bermaksud seseorang itu berlapang dada dan memberikan hak kepada orang lain untuk terus berpegang kepada apa yang mereka percayai. Tambah beliau sekiranya ada penerimaan, masyarakat Melayu Islam tidak akan menjadikan penggunaan kalimah Allah dalam kalangan masyarakat Kristian sebagai satu isu.

Menurut informan K1 pula masyarakat Melayu Islam di Malaysia perlu belajar untuk saling hormat-menghormati. Hal ini kerana setiap individu itu sama sahaja di hadapan Tuhan. Justeru itu, setiap individu mempunyai tanggungjawab terhadap Tuhan dan perlu saling hormat-menghormati dan menghindarkan rasa ketuanan ataupun lebih baik daripada orang lain atau penganut agama lain.

## **KESIMPULAN**

Kefahaman pemimpin Kristian tentang maksud toleransi beragama adalah terbatas kepada maksud toleransi yang bersifat negatif. Toleransi dilihat bersifat menunjukkan kekuasaan yang kuat terhadap yang lemah, tidak menyukai perbezaan dan hanya bersabar dengan perkara yang tidak disukai. Toleransi juga difahami sebagai satu perbuatan yang tidak didorong oleh rasa hormat-menghormati, saling memahami dan saling menerima. Justeru mereka tidak menyukai istilah toleransi beragama. Dapatan ini menunjukkan bahawa kefahaman para informan mengenai konsep toleransi adalah pada peringkat asas iaitu melihat toleransi sebagai bersabar dengan perkara yang tidak disukai. Ini mungkin juga disebabkan oleh para informan terpengaruh dengan definisi toleransi menurut perspektif barat.

Namun begitu, jika diteliti ada kemungkinan bahawa persepsi negatif terhadap toleransi beragama dalam kalangan informan dipengaruhi oleh pengalaman beragama di Malaysia. Hal ini kerana mereka melihat amalan toleransi beragama sebagai satu bentuk pemaksaan supaya mereka tunduk kepada ajaran Islam, mendiskriminasi serta tidak mempedulikan sensitiviti non-Muslim. Walau bagaimanapun, beberapa isu seperti pembinaan tempat ibadat dan juga penggunaan kalimah Allah oleh bukan Islam adalah merupakan isu yang berkait dengan Perlembagaan yang menjaga hak agama Islam sebagai agama Persekutuan dan

kesucian Agama Islam. Jelasnya, larangan penggunaan kalimah Allah dan tempat ibadat tidak bermaksud berlaku apa yang dikatakan sebagai tidak toleran, namun larangan itu dibuat selari dengan konsep Perlembagaan yang menetapkan batas-batas toleransi beragama dalam konteks Malaysia bagi menjamin keharmonian beragama.

Kajian ini juga mendapati terdapat dalam kalangan informan yang mempertikaikan hak sesuatu agama dan dalam soal hak kekeluargaan dalam Islam. Justeru dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian terdahulu yang menyatakan bahawa isu memupuk toleransi beragama berpunca daripada kurangnya kefahaman mengenai agama-agama lain dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

### **PENGHARGAAN**

Kajian ini telah dibiayai oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Sains Islam Malaysia melalui Geran Penyelidikan Jangka Pendek USIM (PPP/USG-0216/FKP/30/18816).

### **RUJUKAN**

- A. T. Talib, & Gill, S. S. (2012). Socio-Religious Tolerance: Exploring the Malaysian Experience. *Global Journal of Human Social Science*, 12(8), 49-54.
- Jørgensen, T. (2014). Tolerance – a Culturally Dependent Concept? *Scandinavian Journal of Intercultural Theory and Practice*, 1(2), 1–18.
- Khadijah Mohd Khambali@Hambli, & Mohd Herzali Mohd Haled. (2008). Toleransi Beragama dan Amalannya di Malaysia: Rujukan Kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 27, 81–92.
- Nur Farhana Abdul Rahman, & Khadijah Mohd Khambali@Hambali. (2013). Religious Tolerance in Malaysia : Problems and Challenges. *International Journal of Islamic Thought*, 3, 81–91.
- Osman Bakar. (2011). The Evolving Face of Religious Tolerance in Post-Colonial Malaysia: Understanding Its Shaping Factors. *Pluto Journals*, 621–638. Retrieved from ICR.plutojournals.org.
- Othman Lebar. (2006). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Redse, A. (2007). Freedom of Religion , Religious Tolerance , and the Future of Christian Mission in the Light of Samuel P . Huntington ' s Thesis on the Clash of Civilizations and the Remaking of the World Order 1. *NORSK TIDSSKRIFT FOR MISJONSVITENSKAP*, 4, 259–278.

